

24 OCT 1996

Mahathir - Sekolah

SEKOLAH CINA DAN TAMIL TIDAK AKAN DITUTUP, KATA PM

JITRA, 24 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri sekali lagi memberi jaminan bahawa kerajaan tidak akan menutup sekolah Cina atau Tamil malahan bersedia memberi bantuan kepada sekolah berkenaan.

Kerajaan akan membantu mana yang perlu di sekolah-sekolah tersebut bagi meningkatkan mutu pembelajaran pelajar, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan bangunan tambahan tiga tingkat Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (C) Chung Hwa yang mengandungi 15 bilik darjah baru di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata di antara kesemua negara Asean, Malaysia adalah negara yang paling liberal dalam melaksanakan sistem pendidikannya.

Katanya, hanya negara ini yang membenarkan sekolah-sekolahnya menggunakan bahasa pengantar yang berbeza.

"Walaupun bahasa kebangsaan diwajibkan kepada semua pelajar, bahasa Cina dan Tamil masih dibenarkan untuk diajar di sekolah-sekolah dan dengan itu kita mempunyai banyak sekolah kebangsaan Cina dan Tamil."

"Dalam pada itu kita juga menggalakkan pelajar Melayu dan India memasuki sekolah Cina dan kita juga mahu lebih ramai pelajar Cina dan India belajar di sekolah kebangsaan," katanya.

Perdana Menteri berkata dengan cara itu semua kaum dapat belajar di sekolah yang sama dan ini dapat merapatkan hubungan sesama kaum.

Dr Mahathir juga berkata bahawa kerajaan akan mengadakan lebih banyak sekolah untuk menampung keperluan pendidikan yang semakin meningkat.

Katanya, kerajaan mahu generasi muda negara ini menjadi lebih terpelajar terutama di zaman teknologi maklumat ini yang memerlukan pelajar yang mempunyai tahap pelajaran yang lebih tinggi berbanding dengan dahulu.

"Zaman maklumat sekarang ini menuntut kita supaya menjadi bangsa yang maju dan boleh bersaing dengan bangsa lain yang telah maju," katanya.

Tegasnya generasi muda sekarang ini mempunyai harapan dan peluang yang luas untuk memajukan diri dalam bidang pendidikan dan menjadi orang yang berpendidikan lebih baik berbanding generasi sebelumnya.

Perdana Menteri juga mengambil kesempatan itu untuk menasihati para pelajar supaya tekun dalam pelajaran bagi mencapai kejayaan cemerlang.

Katanya melalui kejayaan itu mereka dapat membantu membangunkan negera terutama ketika Malaysia sedang menuju untuk menjadi negara maju.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Kesihatan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan MCA Kedah, Datuk Chua Jui Meng, Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid serta bekas Menteri Besar yang juga ADUN kawasan Jitra, Tan Sri Osman Aroff. -- BERNAMA

MZM MFJ OBA